

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kecurian yang sering berlaku di daerah Manjung, Perak ada kaitan rapat dengan penagih-penagih dadah di daerah tersebut dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak polis untuk menangani masalah kecurian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, statistik jenayah curi di Daerah Manjung bagi tempoh 2017 hingga Ogos 2019 adalah sebanyak 1157 kes. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, terdapat sebanyak 524 orang suspek telah ditangkap. Seramai 105 orang atau 20% daripadanya adalah penagih dadah berdasarkan saringan ujian air kencing yang dibuat selepas tangkapan dibuat.

Berdasarkan statistik jenayah curi dan bilangan suspek yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, didapati sebahagian kecil sahaja kes-kes curi yang dikaitkan dengan penagih-penagih dadah di daerah Manjung.

Pihak PDRM telah melaksanakan beberapa strategi untuk mencegah kegiatan jenayah curi ini antaranya termasuklah:-

- 1) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (Bit and Patrol), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran

anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;

- 2) mewujudkan Unit Risikan Jenayah Bersepadu (*Central Criminal Intelligence Unit- CCIU*) dengan menggunakan konsep "*Intelligence lead policing*" iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif; dan
- 3) mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan, menangkap serta mengambil tindakan ke atas individu, token, ketua sindiket atau dalang aktiviti pengedaran dadah berlandaskan peruntukan undang-undang seperti;
 - 3.1. mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas drug kingpin, token dadah atau individu yang menjadi dalang kegiatan pegedaran dadah;
 - 3.2. melumpuhkan sumber kewangan token dadah atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta dibawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988; dan
 - 3.3 kerjasama bersama Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) dalam memerangi penagih dadah di semua kawasan sasaran penagih.

Walaupun bagaimanapun, usaha untuk memerangi kegiatan jenayah curi ini bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti dan kegiatan jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.